

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN BERSIH DAN SELAMAT (BeSS) BAGI PREMIS MAKANAN



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

EDISI 2024

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Pengenalan	3
2	Objektif	3
3	Skop	3
4	Definisi	3
5	Kelebihan	4
6	Logo BeSS	5
7	Bayaran	6
8	Kriteria Permohonan	6
9	Cara Memohon	6
10	Kategori Premis Makanan Bagi Pengiktirafan BeSS	6
11	Jenis Premis Makanan Tidak Layak Pengiktirafan BeSS	6
12	Proses Pengiktirafan BeSS	7
13	Tempoh Sah Laku Pengiktirafan BeSS	8
14	Tatacara Penggunaan Logo BeSS	8
15	Pemantauan	8
16	Pembaharuan Pengiktirafan BeSS	8
17	Pembatalan Pengiktirafan BeSS	9
18	Penggantungan Pengiktirafan BeSS	9
19	Situasi Logo BeS Tidak Boleh Dipamerkan	9
20	Pindaan Maklumat Pemohon	9
21	Cetakan semula Sijil Pengiktirafan BeSS	10
22	Pertanyaan	10
23	Rujukan	10

1. PENGENALAN

Pengiktirafan BeSS diberikan kepada premis makanan yang telah telah dinilai bersih oleh KKM dan sebagai penghargaan kepada pengusaha sekaligus menggalakkan mereka mengutamakan penyediaan makanan selamat dan sentiasa mengekalkan persekitaran premis yang bersih kepada pelanggan.

Daripada perspektif pengguna selaku pelanggan, pengiktirafan ini juga memberikan pilihan dan keyakinan kepada mereka dalam menentukan premis makanan yang bersih dan selamat berdasarkan logo BeSS yang dipaparkan oleh pihak premis yang telah diiktiraf.

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan bagi membantu pengusaha premis makanan memenuhi keperluan bagi pengiktirafan BeSS

3. SKOP

Garis panduan ini boleh digunakan oleh pengusaha premis makanan di Malaysia bagi mengetahui syarat-syarat dan tatacara permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan BeSS

4. DEFINISI

Panel Kululusan BeSS Peringkat Negeri

- Terdiri daripada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri atau wakil dan Pegawai Teknologi Makanan

Pegawa Penilai / Pembimbing

- Terdiri daripada Pegawai Teknologi Makanan (PTM) / Penolong Pegawai Teknologi Makanan (PPTM) yang bertugas di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia

Pegawai Pemeriksa

- Terdiri daripada Pegawai Kesihatan Persekitaran Persekitaran (PKP) atau Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Persekitaran (PPKP) yang bertugas di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia

Bimbingan

- Aktiviti khidmat nasihat teknikal yang diberikan kepada premis agar dapat mematuhi elemen keselamatan makanan sepertimana yang termaktub di bawah keperluan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009

Penilaian

- Aktiviti mengakses yang dijalankan oleh Pegawai Penilai bagi memastikan perkara yang memerlukan penambahbaikan telah dilaksanakan mengikut kriteria yang ditetapkan sebelum pengiktirafan diberikan.

Tempoh sah laku markah pemeriksaan

- Tempoh masa sekurang-kurangnya enam (6) bulan daripada tarikh pemeriksaan terkini yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau Pihak Berkuasa Tempatan.

Pemantauan

- Aktiviti yang dijalankan di premis makanan yang telah memperoleh Pengiktirafan BeSS bagi memastikan semua keperluan Pengiktirafan BeSS dipatuhi.

Pembaharuan

- Proses pengiktirafan semula kepada premis makanan yang akan tamat tempoh sah laku Pengiktirafan BeSS.

Pemohon

- Merupakan pemilik, pengusaha, atau wakil daripada sesebuah premis makanan tersebut.

Premis makanan

- Mana-mana premis atau premis makanan selain daripada kilang makanan, meliputi premis di mana makanan disediakan, diproses, disimpan dan/atau dihidangkan untuk jualan atau kenderaan yang menjual makanan sedia dimakan.

Latihan Pengendali Makanan

- Latihan berkenaan kebersihan dan keselamatan makanan yang dijalankan oleh Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang diiktiraf oleh KKM

Food Safety Information Management System (FoSIM)

- Satu sistem yang dibangunkan oleh BKMM untuk kemudahan pengusaha mendaftar premis dan memohon skim pengiktirafan/pensijilan daripada Program Keselamatan dan Kualiti Makanan.

5. KELEBIHAN

- Mematuhi keperluan perundangan di bawah Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009
- Penggunaan logo BeSS di premis makanan
- Mendapat manfaat melalui aktiviti promosi
- Menarik lebih ramai pelanggan di mana pelanggan mempunyai pilihan premis yang bersih bagi mendapatkan makanan yang lebih selamat

6. LOGO PENGIKTIRAFAN BESS



7. BAYARAN

Pengiktirafan ini diberikan secara **PERCUMA** kepada pengusaha premis makanan.

8. KRITERIA PERMOHONAN

Premis makanan yang memohon pengiktirafan BeSS perlu mematuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana agensi berkaitan
- ii. Mendaftarkan premis menerusi FoSIM di bawah kategori P3 dan P4 sahaja. Pendaftaran boleh dibuat secara atas talian (online) melalui laman sesawang <http://fosim.moh.gov.my>
- iii. Premis mempunyai lesen atau kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau surat pngesahan dari mana-mana agensi berkaitan.

9. CARA MEMOHON

Permohonan perlu dibuat secara atas talian (online) melalui laman sesawang <http://fosim.moh.gov.my>

10. KATEGORI PREMIS MAKANAN BAGI PEGIKTIRAFAN BeSS

- a. Semua premis makanan yang menyediakan perkhidmatan penjualan dan penghidangan makanan yang mempunyai ruang makan di dalam atau disekitarnya seperti:
 - i. Restoren / kedai makan / kafeteria
 - ii. Gerai makan
 - iii. Kantin Sekolah
 - iv. Kiosk
- b. Semua kenderaan yang terlibat dalam penjualan makanan sedia di makan

11. JENIS PREMIS MAKANAN TIDAK LAYAK PEGIKTIRAFAN BeSS

- i. Premis yang hanya menjual minuman beralkohol
- ii. Premis yang beroperasi secara bermusim atau bersifat tidak kekal seperti bazar Ramadhan
- iii. Atau mana-mana kategori premis yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

12. PROSES PENGIKTIRAFAN BeSS

I. PERMOHONAN

- Secara terus :
 - o Permohonan menerusi sistem FoSIM; atau
- Melalui notifikasi e-mel :
 - o Pemohon akan menerima notifikasi email memaklumkan premis layak memohon pengiktirafan BeSS berdasarkan markah pemeriksaan premis yang dijalankan oleh KKM. Bagi tujuan ini, pemohon perlu melengkapkan permohonan melalui sistem FoSIM

II. PENILAIAN DAN BIMBINGAN

- Pemohon akan dimaklumkan berkenaan penetapan tarikh penilaian
- Pemohon atau wakil pengurusan perlu berada di premis pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Pemohon perlu menyediakan dokumen yang berkaitan semasa penilaian iaitu salinan sijil LPM dan rekod vaksinasi bagi semua pengendali makanan.
- Sekiranya premis mendapat markah kurang daripada 86%, bimbingan akan dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan

III. PENILAIAN SUSULAN

- Penilaian susulan akan dijalankan dalam tempoh tiga (3) bulan dari pada penilaian pertama untuk memastikan tindakan pembetulan telah diambil.
- Sekiranya tindakan pembetulan tidak dilaksanakan dan tiada justifikasi kelewatan yang dimaklumkan secara rasmi dalam masa dua (2) minggu sebelum tamat tempoh tiga (3) bulan tersebut, maka permohonan akan terbatal. Pemohon perlu memohon semula sekiranya masih berminat.

IV. LAPORAN AKHIR PENILAIAN

- Laporan akhir penilaian akan dinilai oleh panel kelulusan Pengiktirafan BeSS

V. PENGIKTIRAFAN BeSS

- Kelulusan pengiktirafan BeSS akan dimaklumkan kepada pemohon menerusi sistem FoSIM
- Permohonan yang berjaya akan diberikan sijil pengiktirafan BeSS.

13. TEMPOH SAH LAKU

Tempoh sah laku pengiktirafan BeSS adalah tiga (3) tahun

14. TATACARA PENGGUNAAN LOGO BeSS

- Sijil Pengiktirafan BeSS masih dalam tempoh sah laku
- Dipamerkan di premis makanan atau di kawasan yang diberi pengiktirafan dan mudah dilihat oleh pelanggan.
- Menggunakan logo BeSS berdasarkan spesifikasi dan warna seperti di Klausula 6.

15. PEMANTAUAN

- Pemantauan berkala akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh pengiktirafan oleh KKM.
- Jika markah pemeriksaan <86% dan / atau terdapat ketidakpatuhan, pemohon perlu melaksanakan tindakan pembedulan dalam masa yang ditetapkan atau tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh pemantauan. Seterusnya, verifikasi terhadap tindakan pembedulan tersebut akan dijalankan.
- Pemohon boleh melanjutkan tempoh tindakan pembedulan dengan mengemukakan justifikasi melalui surat kepada JKN dalam masa dua (2) minggu sebelum tamat tarikh akhir tempoh tiga (3) bulan tersebut.
- Tindakan penggantungan atau pembatalan sijil pengiktirafan BeSS boleh diambil sekiranya tiada tindakan penambahbaikan diambil dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh audit pemantauan dijalankan.

16. PEMBAHARUAN

- Permohonan pembaharuan perlu dimohon menerusi sistem FoSIM dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku sijil pengiktirafan.
- Permohonan baru perlu dibuat sekiranya permohonan pembaharuan dibuat selepas sijil pengiktirafan tamat tempoh.

17. PEMBATALAN PENGIKTIRAFAN

- Pembatalan pengiktirafan BeSS boleh berlaku atas sebab-sebab berikut:
 - i. Pertukaran lokasi premis / tender / kontrak / pengurusan premis
 - ii. Penipuan / penyalahgunaan logo BeSS
 - iii. Menghentikan operasi
 - iv. Pendaftaran premis di FoSIM telah tamat tempoh.
 - v. Tidak memperbaharui sijil pengiktirafan yang telah tamat tempoh sah laku
 - vi. Atau apa-apa ketidakpatuhan yang disabitkan oleh KKM

18. PENGGANTUNGAN PENGIKTIRAFAN BeSS

- Penggantungan Pengiktirafan BeSS boleh berlaku atas sebab-sebab berikut:
 - i. Terlibat dalam tindakan penutupan premis di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983
 - ii. Tidak melaksanakan tindakan penambahbaikan terhadap ketidakpatuhan melebihi tempoh yang ditetapkan.

Tempoh penggantungan adalah berdasarkan justifikasi dan penetapan oleh pegawai penilai / penguatkuasa dan tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan. Sekiranya tindakan penambahbaikan tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, tindakan pembatalan pengiktirafan boleh diambil.

Pemohon perlu memaklumkan kepada PKD/JKN untuk penilaian bgi tujuan penarikan penggantungan.

19. LOGO BeSS TIDAK BOLEH DIPAMERKAN SEKIRANYA :

- Premis makanan telah tamat tempoh pengiktirafan
- Pengiktirafan dibatalkan kerana isu kritikal keselamatan makanan
- Premis makanan tidak lagi menjual produk makanan atau terdapat penjualan produk bukan makanan.

20. PINDAAN MAKLUMAT PEMOHON

- Sebarang pindaan pada maklumat pemohon hendaklah dibuat melalui sistem FoSIM
- Pindaan yang dibenarkan adalah jika berlaku pertukaran nama premis oleh pengusaha yang sama dan beroperasi di lokasi yang masih sama.
- Setiap permohonan pindaan adalah tertakhluk kepada kelulusan oleh panel kelulusan Pengiktirafan BeSS.

21. CETAKAN SEMULA SIJIL

- Sekiranya sijil rosak atau hilang, pemohon boleh memohon cetakan semula melalui FoSIM.

22. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Bil	Alamat	No. Telefon	Laman web
1	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri	Rujuk Lampiran A	
2	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM Aras 4, Menara Prisma, Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	03- 8885 0797	http://fsq.moh.gov.my

23. RUJUKAN

- Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 (Kehendak Am bgi premis makanan)
- Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Makanan 1985
- Garis panduan Amalan Pengilangan Yang Baik 2006